



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	22/10/2019	MUKA SURAT	: 34
JABATAN	:	JKPTG		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

### Tanah Rizab Melayu tidak terancam

**ALOR SETAR -** Kerajaan Kedah memberi jaminan Tanah Rizab Melayu (TRM) di Kedah tidak akan berkurangan.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, tanah berstatus TRM di negeri itu bukan hanya akan terus dipertahankan malah sebaliknya kini kian ditingkatkan.

"Secara umumnya, walaupun dengar tanpa bukti dan fakta jelas bahawa jumlah tanah berstatus TRM di seluruh Malaysia makin menurun.

"Bagaimanapun, sukacitanya dilaporkan bahawa tanah berstatus TRM di Kedah sebenarnya makin meningkat melalui proses *swapping*," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Muhammad Sanusi Md Nor (Pas-Jeneri)** berkaitan usaha kerajaan negeri mempertahankan tanah berstatus TRM pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah Ke-14 di Wisma Darul Aman

**SIDANG DUN  
KEDAH**



Mukhriz (kanan) berbulu dengan Exco Kesihatan, Pembangunan Luar Bandar, Agama dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Kedah, Datuk Dr Ismail Salleh pada Sidang DUN Ke-14 semalam.

di sini semalam.

Mukhriz berkata, jumlah tanah berstatus TRM itu makin bertambah susulan amalan di Kedah yang mana jumlah tanah digantikan lebih lima peratus tambahan daripada jumlah tanah asal berikutan proses itu.

"Sehubungan itu saya yakin jumlah tanah berstatus rizab Melayu di Kedah tidak akan berkurangan," katanya.

Dalam perkembangan lain beliau berkata, KXP Airport City Holding Sdn Bhd selaku agensi pelaksana

na projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) belum mengemukakan proses permohonan untuk proses *swapping* kepada Pejabat Tanah Kuala Muda.

Katanya, proses *swapping* hanya akan dilakukan apabila proses pengambilan tanah selesai dan apabila hak milik tanah dikeluarkan kepada pemaju namun KXP Airport City Holding Sdn Bhd telah memulakan usaha mengenalpasti tanah penggantian tanah luar simpanan Melayu.